

**PERSEPSI DAN TAHAP PENGETAHUAN GURU  
DI PERAK MENGENAI  
PENDIDIKAN ALAM SEKITAR**

**ASNIZA BT JAMALUDDIN**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**



**PERSEPSI DAN TAHAP PENGETAHUAN GURU  
DI PERAK MENGENAI  
PENDIDIKAN ALAM SEKITAR**

**ASNIZA BT JAMALUDDIN**



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2012**





## PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

30.01.2012

Tandatangan  
ASNIZA BT JAMALUDDIN  
M20041000079

## PENGHARGAAN

Dengan nama ALLAH Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Syukur Alhamdulillah, berkat taufik dan hidayahNya, sebuah tesis dapat dihasilkan. Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama iaitu Profesor Dr. Saberi Othman kerana sering memberi bimbingan, panduan penulisan kajian dan motivasi supaya tidak mudah berputus asa untuk menyiapkan tesis ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris khasnya daripada Fakulti Sains Dan Matematik kerana memberi tunjuk ajar dan teknik menjalankan penyelidikan pendidikan yang dapat memberi manfaat kepada golongan pendidik.

Penghargaan yang tidak terhingga kepada Pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Tuan Haji Md. Monoto Bin. Kosnan dan Pegawai Jabatan Pelajaran Perak iaitu Encik Mustafa Bakray Bin. Musa yang membenarkan kajian ini dijalankan di dalam kawasan sekolah. Setinggi penghargaan kepada pengetua dan guru-guru sekolah menengah di daerah Hilir Perak kerana memberikan kerjasama yang baik.

Seterusnya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ayahanda Jamaluddin Bin Md Bakir dan bonda Noraini Binti Ahmad yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan nasihat untuk terus berjaya dalam pelajaran. Begitu juga buat kanda Askiah, adinda sekalian Nor Fadzlin, Nurul Huda dan Zulkarnain yang sering membantu dan memahami situasi saya sepanjang tempoh penyediaan tesis. Terima kasih kepada suami iaitu Mohammad Nazri dan sahabat yang memberi dorongan untuk menyiapkan tesis ini. Hanya ALLAH S.W.T yang dapat membalas budi baik anda semua.

AMIN.....

## ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan di sekolah menengah di daerah Hilir Perak. Responden adalah guru dari dua puluh buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Hilir Perak bagi memudahkan pengumpulan data. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 12.0. Objektif kajian yang pertama adalah mengenal pasti persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar. Hasil kajian menunjukkan guru mempunyai persepsi yang baik terhadap pendidikan alam sekitar dengan min keseluruhan 3.3. Objektif kajian yang kedua ialah mengenal pasti tahap pengetahuan pendidikan alam sekitar di kalangan guru. Dapatan kajian menunjukkan 62% guru mempunyai tahap pengetahuan yang baik dalam pendidikan alam sekitar. Objektif kajian yang ketiga ialah mengenal pasti kekangan-kekangan dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar. Hasil dapatan menunjukkan tiada kekangan yang dihadapi oleh guru dalam menjalankan pendidikan alam sekitar di sekolah menengah. Keputusan kajian ( $r = 0.028, p > 0.05$ ) menunjukkan tiada korelasi antara pemboleh ubah persepsi dengan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar. Keputusan kajian ( $r = 0.029, p > 0.05$ ) menunjukkan tiada korelasi antara pemboleh ubah antara persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar. Keputusan kajian ( $r = 0.142, p > 0.05$ ) menunjukkan tiada korelasi antara pemboleh ubah antara tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar.

## ABSTRACT

This survey was conducted in secondary schools in the district of Hilir Perak. Respondents were teachers from twenty national secondary schools in the district of Hilir Perak to facilitate data collection. Questionnaires are used as the main instrument in this study. Data were analyzed using SPSS 12.0 software. The first objective of the study is to identify the perceptions of teachers on environmental education. The results showed that teachers have good perception to environmental education with a mean overall 3.3. The second objective of the study is to identify the level of knowledge in environmental education among teachers. The study showed that 62% of teachers have a good level of knowledge in environmental education. The third objective of the study is to identify the constraints in implementing environmental education. The findings show no constraints faced by teachers in carrying out environmental responsibility in secondary schools. Results of the study showed no correlation between the perception variables with the level of knowledge of environmental education teachers. Results of the study showed no correlation between variables of teachers' perception of environmental education teacher with the constraints in implementing environmental education. Results of the study showed no correlation between the variables between the level of teachers' knowledge of environmental education teacher with the constraints in implementing environmental education.

## KANDUNGAN

### Muka Surat

PENAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi

### BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	2
1.3	Penyataan masalah	5
1.4	Ojektif kajian	7
1.5	Persoalan kajian	8
1.6	Kepentingan kajian	9
1.7	Limitasi kajian	10
1.8	Definisi operasi	10
	1.8.1 Definisi konsep persepsi	10
	1.8.2 Pendidikan alam sekitar	13
	1.8.3 Tahap pengetahuan	13



1.8.4	Guru teknologi dan kemanusiaan	13
1.9	Rumusan	13
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>		
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Sejarah awal pendidikan di Malaysia	16
2.3	Pendidikan alam sekitar	21
2.3.1	Pendidikan alam sekitar di Malaysia	25
2.3.1.1	Pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah	25
2.3.1.2	Upaya pihak kerajaan dan bukan kerajaan	28
2.3.1.3	Institut pengajian tinggi	29
2.4	Peranan guru dalam pendidikan alam sekitar	30
2.5	Persepsi dan tahap pengetahuan guru dalam pendidikan alam sekitar	33
2.6	Rumusan	37
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pendahuluan	38
3.2	Reka bentuk kajian	38
3.3	Lokasi kajian	40
3.4	Persampelan kajian	41
3.5	Instrumen Kajian	42
3.5.1	Borang soal selidik	43
3.5.1.1	Bahagian A	43
3.5.1.2	Bahagian B	44

3.5.1.3	Bahagian C	44
3.6	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Instrumen Kajian	45
3.7	Prosedur Kajian	46
3.8	Penganalisan Data	47
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pendahuluan	48
4.2	Demografi Responden	49
	i. Umur responden	
	ii. Jantina responden	
	iii. Etnik responden	
	iv. Status perkahwinan responden	
	v. Kelulusan akademik tertinggi responden	
	vi. Tahun tamat pengajian akademik tertinggi	
	vii. Kelulusan ikhtisas responden	
	viii. Pengalaman mengajar responden	
	ix. Lokasi sekolah responden	
	x. Bidang kursus responden	
	xi. Menghadiri Kursus Pendidikan Alam Sekitar	
4.3	Persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar	57
	4.3.1 Persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan kategori guru	59
	4.3.2 Persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan pengalaman tahun mengajar	64
4.4	Tahap pengetahuan guru dalam pendidikan alam sekitar	69
	4.4.1 Tahap pengetahuan guru dalam pendidikan alam sekitar berdasarkan kategori guru	70
	4.4.2 Tahap pengetahuan guru dalam pendidikan alam sekitar berdasarkan pengalaman tahun mengajar guru	71

4.4.3	Hasil temu bual tahap pengetahuan guru terhadap alam sekitar	73
4.5	Kekangan dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar	88
4.6	Hasil analisis statistik	93
4.6.1	Hasil analisis berkenaan persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar	93
4.6.2	Hasil analisis berkenaan tahap pengetahuan pendidikan alam sekitar	97
4.7	Korelasi antara pembolehubah	101
4.7.1	Korelasi antara persepsi dengan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar	101
4.7.2	Korelasi antara persepsi dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar	102
4.7.3	Korelasi antara tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar	103
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	104
5.1	Rumusan	104
5.2	Cadangan	109
5.3	Penutup	112
	BIBLIOGRAFI	113
	LAMPIRAN	118

**SENARAI JADUAL**

Jadual		Muka surat
3.1	Skor tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar	45
4.1(a)	Taburan bilangan responden mengikut lingkungan umur	49
4.1(b)	Taburan bilangan responden dan peratus mengikut jantina	50
4.1(c)	Taburan bilangan responden mengikut etnik	51
4.1(d)	Taburan bilangan responden mengikut status perkahwinan	51
4.1(e)	Taburan bilangan responden mengikut kelulusan akademik tertinggi	52
4.1(f)	Taburan bilangan responden mengikut lingkungan tahun pengajian	53
4.1(g)	Taburan bilangan responden mengikut kelulusan ikhtisas	53
4.1(h)	Taburan peratus responden mengikut pengalaman mengajar	54
4.1(i)	Taburan bilangan responden mengikut lokasi sekolah	55
4.1(j)	Taburan bilangan responden mengikut bidang kursus	55
4.1(k)	Taburan bilangan responden yang pernah menyertai Kursus Pendidikan Alam Sekitar	56
4.2	Persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan kategori guru	57
4.3	Persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan pengalaman tahun mengajar	65
4.4	Tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan kategori guru	70
4.5	Tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan pengalaman tahun mengajar	73
4.6	Peratusan pengetahuan guru hasil temu bual	73
4.7	Kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar	92

- 4.8(a) Korelasi antara persepsi dengan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar 101
- 4.8(b) Korelasi antara persepsi dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar 102
- 4.8(c) Korelasi antara tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar 103

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Proses-proses persepsi manusia	12
2.1	Prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	17
2.2	Carta strategi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi Kementerian Pelajaran Malaysia.	19
2.3	Penilaian alam sekitar pada pandangan konvensional dan pandangan alternatif	24

## BAB 1

### PENGENALAN

Alam sekitar adalah khazanah berharga yang diwarisi dari zaman berzaman. Namun keindahan alam ini sentiasa dicemari oleh tindakan manusia yang rakus dengan pembangunan dan teknologi moden. Penebangan hutan dan pembangunan yang tidak seimbang mengakibatkan masalah alam sekitar seperti pencemaran air, udara dan tanah. Selain itu tindakan alam yang dipengaruhi oleh tindakan manusia menyebabkan masalah seperti tanah runtuh, hakisan tanah dan pantai. Apabila timbul masalah-masalah alam sekitar maka wujud pelbagai isu alam sekitar yang perlu diatasi. Jika masalah ini tidak diatasi ia akan menjadi satu masalah besar yang sukar ditangani oleh manusia sejagat.



Menangani masalah alam sekitar bukan perkara mudah kerana ia melibatkan tindakan manusia sejagat. Ia perlu ditangani bersama secara global. Pendidikan alam sekitar telah mendapat perhatian serius pelbagai pihak sama ada dari dalam mahupun di luar negara. Demi kepentingan sejagat, beberapa langkah telah diambil bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran tentang perasaan mencintai alam sekitar di kalangan masyarakat.

Peningkatan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar sangat perlu dalam menyahut cabaran Dasar Wawasan Negara ketujuh iaitu meneruskan pembangunan alam sekitar yang mampan untuk meneguhkan pertumbuhan jangka panjang (Jabatan Penerangan Malaysia, 2001). Penekanan menangani isu alam sekitar dan sumber asli secara bersepadu dan menyeluruh merupakan satu usaha untuk meningkatkan tahap kualiti hidup, pemuliharaan alam sekitar dan pengurusan sumber alam mampan. Semua rancangan yang baik perlu disertai dengan kawalan melalui undang-undang, garis panduan dan piawaian. Perkara ini jelas dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011-2015) (<http://www.epu.gov.my>) yang memperkenalkan teknologi hijau bagi memastikan kecekapan penggunaan tenaga termasuk penurunan tahap pelepasan gas rumah hijau.

## 1.2 Latar belakang kajian

Pendidikan alam sekitar mula dicadangkan dalam Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai alam sekitar manusia di Stockholm yang diadakan pada tahun 1972. Ia membincangkan tentang ekologi manusia dan persekitaran. Hasil persidangan







tersebut, pendidikan alam sekitar telah dicadangkan untuk membantu setiap individu masyarakat memperoleh pengetahuan asas dan meningkatkan kemahiran serta membina sikap positif terhadap alam sekitar. Selain itu terdapat dua lagi persidangan susulan dalam merangka garis panduan program tersebut iaitu Persidangan Antarabangsa di Belgrade pada tahun 1975 dan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan di Tbilisi, Rusia pada tahun 1977.

Menyedari kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar secara global, suatu program tindakan alam sekitar yang lebih dikenali sebagai Agenda 21 telah dibentuk. Ia adalah hasil daripada Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) pada 3-14 Jun 1992 di Rio de Janeiro, Brazil (Jabatan Alam Sekitar Malaysia, 1997).



Agenda 21 merupakan dokumen pelan tindakan kerja untuk menangani isu-isu kemerosotan kualiti alam sekitar pada abad ke-21. Dokumen ini mengandungi 40 bab. Ia dirangka dengan tujuan untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara negara maju, negara membangun dan negara kurang membangun terhadap tanggungjawab memelihara dan memulihara alam sekitar. Pelan tindakan ini mengandungi strategi-strategi bersepadu untuk mengubah persepsi serta tindakan manusia terhadap alam sekitar supaya pembangunan yang dijalankan berasaskan kepada konsep dan matlamat pembangunan mampan. Dalam Agenda 21 (Bab 36), tiga program utama dicadangkan iaitu mengorientasikan semula pendidikan ke arah pembangunan mampan, meningkatkan kesedaran awam dan meningkatkan latihan.





Di Malaysia, pendidikan alam sekitar adalah komponen penting dalam objektif pendidikan sekolah menengah melalui KBSM dan sekolah rendah melalui KBSR. Ia dilaksanakan dalam kurikulum sekolah secara merentas kurikulum. Pendidikan alam sekitar diterapkan dalam setiap disiplin kurikulum KBSM dan KBSR sebagai asas pengetahuan.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Sabit Bujang (2000) menunjukkan pendedahan terhadap isu alam sekitar kepada orang ramai adalah pada tahap sederhana. Ini bermakna aspek pendedahan harus ditekankan untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar. Pendidikan alam sekitar memainkan peranan yang penting dalam strategi perkembangan kemajuan mampan kerana ia melibatkan tahap perubahan bermula dari kognitif (pengetahuan), afektif (penghayatan maklumat) dan tingkah laku (kesan pengaruh nilai, tanggapan, dan kepercayaan individu). Dengan itu, ia dapat menimbulkan kesedaran dan kefahaman mengenai persekitaran dalam perkembangan ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Nor Aznan (2003), melalui penyelidikan yang telah dijalankan mendapati guru-guru sekolah menengah mempunyai tahap pengetahuan pendidikan alam sekitar yang sederhana. Ini bermakna konsep pendidikan alam sekitar merentas kurikulum masih tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana guru-guru tidak mempunyai pengetahuan yang berkaitan alam sekitar secara mendalam. Terdapat perbezaan minat berdasarkan latar belakang akademik guru terhadap pendidikan alam sekitar. Beliau berpendapat perbezaan minat itu mungkin terjadi akibat bidang pengkhususan di mana guru yang mempunyai latar belakang sains berminat kepada pendidikan alam sekitar berbanding guru dari bidang bukan sains. Walau bagaimanapun, menerusi





tinjauan soal selidik didapati guru-guru mempunyai respons yang positif terhadap pelaksanaan pendidikan alam sekitar.

Guru adalah pelaksana dan pendukung utama untuk mencapai matlamat negara. Oleh itu, guru perlu mempunyai pengetahuan dalam pendidikan alam sekitar dan merancang aktiviti pengajaran pembelajaran dengan teknik-teknik yang bersesuaian. Guru adalah tunggak dalam sistem pendidikan di mana mereka bertanggungjawab secara langsung dan tidak langsung. Guru harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai murni dan sikap positif dalam mencapai hasrat dan objektif pendidikan alam sekitar.



Majoriti guru di sekolah menengah kini adalah guru-guru siswazah daripada pelbagai jurusan. Terdapat pelbagai isu mengenai tahap pengetahuan dan persepsi guru di sekolah mengenai pendidikan alam sekitar. Isu penghayatan pendidikan alam sekitar guru sering dibicarakan khasnya dari segi penyampaian isi kandungan pengajaran kepada pelajar. Kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu (misalnya Che Kalbi 1999, Nor Aznan 2003, Rohiza 2004, Tiwi Kamidin 2006) mendapati bahawa kebanyakan guru tidak mempunyai pengetahuan yang secukupnya tentang isu-isu alam sekitar walaupun pendidikan alam sekitar telah dijadikan kursus elektif wajib bagi ikhtisas perguruan.





Nor Aznan (2003) dalam pernyataan masalah kajiannya menyatakan pada peringkat sekolah, guru tidak mempunyai asas tentang pendidikan alam sekitar kerana latihan perguruan hanya menekankan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran bukannya penguasaan ilmu yang hendak diajar. Hasil kajiannya itu mendapati pengetahuan pendidikan alam sekitar di kalangan guru sekolah adalah sederhana.

Hasil kajian Che Kalbi (1999) menunjukkan 65.7% guru mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana tentang pendidikan alam sekitar. Manakala dapatan kajian Gan mendapati bahawa majoriti guru pelatih mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai isu-isu alam sekitar seperti pembangunan dan kualiti, keseimbangan ekologi, pengurusan sumber dan pengawalan dan pemeliharaan (disebut oleh Rohiza, 2004). Beliau juga menyatakan guru sains di Malaysia tidak mempunyai persediaan yang mencukupi untuk mengajar pendidikan alam sekitar di sekolah. Kesimpulan daripada hasil kajiannya mendapati bahawa pencapaian guru sains dalam isu-isu alam sekitar yang diuji seperti biodiversiti, ozon, kitar karbon dan pemanasan global adalah tidak baik (55.93%).

Dapatan kajian Tiwi Kamidin (2006) terhadap guru pelatih, menunjukkan wujud perkaitan positif yang lemah ( $r=0.234$ ,  $p<0.01$ ) antara pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar. Terdapat juga perbezaan pengetahuan dan sikap antara Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM).

Guru berhadapan dengan pelbagai situasi di sekolah kerana guru adalah golongan yang paling dekat dengan masyarakat. Namun, guru seringkali dipersalahkan akibat masalah disiplin dan ketandusan budaya ilmu pelajar. Guru





dikatakan tidak mempunyai pengetahuan yang baik untuk mendidik pelajar. Walaupun begitu, guru sebagai pendidik harus melaksanakan tugas dengan sabar dan berdedikasi. Melalui pendidikan alam sekitar guru diharap dapat menjadi agen perubahan pemikiran dan persepsi pelajar terhadap kepentingan menghargai dan mencintai alam sekitar. Ini kerana pelajar yang mempunyai pengetahuan dan persepsi yang baik terhadap alam sekitar diharap dapat menjadi pembuat keputusan yang baik. Diharapkan juga tema-tema alam sekitar seperti Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan Tahun 2010 iaitu “Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama” dapat direalisasikan.

Oleh itu, penyelidik berminat untuk menjalankan kajian tentang pendidikan alam sekitar bagi meninjau tahap pengetahuan dan persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar. Kajian tinjauan ini berfokus kepada guru sebagai sampel kajian kerana guru adalah pelaksana pendidikan alam sekitar dan insan yang rapat dengan masyarakat. Kajian ini juga meninjau kekangan yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar.

#### **1.4 Objektif kajian**

1. Mengetahui pasti persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan bidang guru dan pengalaman tahun mengajar guru di sekolah menengah.
2. Mengetahui pasti tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar
3. Mengetahui pasti kekangan dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar di sekolah menengah



4. Mengenal pasti korelasi antara pemboleh ubah persepsi dengan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar, korelasi antara pemboleh ubah antara persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar dan korelasi antara pemboleh ubah antara tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar?

### 1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar berdasarkan bidang guru dan pengalaman tahun mengajar guru di sekolah menengah?
2. Sejauh manakan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar?
3. Apakah terdapat kekangan dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar di sekolah menengah?
4. Apakah korelasi antara pemboleh ubah persepsi dengan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar, korelasi antara pemboleh ubah antara persepsi guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar dan korelasi antara pemboleh ubah antara tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dengan kekangan guru dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar?



## 1.6 Kepentingan kajian

Pengurusan pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang teratur dan terancang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini adalah supaya ilmu pengetahuan dan kemahiran pendidikan alam sekitar serta menyelesaikan masalah dapat diterapkan dengan baik kepada pelajar. Kejayaan pelaksanaan pendidikan alam sekitar bergantung pada pengetahuan, kefahaman dan komitmen pelbagai pihak.

Dalam pendidikan alam sekitar, guru memainkan peranan penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan tentang alam sekitar dan mewujudkan budaya cintakan alam sekitar. Tugas utama guru adalah sebagai penyampai ilmu pengetahuan kepada pelajar supaya menjadi seorang yang berpengetahuan, berdisiplin dan kaya dengan nilai-nilai alam sekitar. Pelajar yang berpengetahuan alam sekitar diharapkan dapat menjadi pembuat keputusan yang baik terhadap alam sekitar suatu hari nanti.

Dapatan kajian ini diharap dapat memberi gambaran tentang persepsi dan tahap pengetahuan guru dalam pendidikan alam sekitar. Melalui kajian ini tindakan yang selanjutnya harap dapat diambil untuk mengatasi kelemahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan alam sekitar dalam bidang sains khususnya Biologi.

Pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan Negeri serta Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia dapat membuat perancangan yang teratur agar keperluan guru sekolah dapat dipenuhi. Dengan itu guru-guru dapat melaksanakan pendidikan alam sekitar dengan komitmen dan kualiti yang tinggi. Diharapkan kajian ini juga dapat membantu guru-guru mengetahui tentang pelaksanaan pendidikan alam





sekitar dan mencapai matlamat pendidikan seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## 1.7 Limitasi kajian

Kajian ini dijalankan ke atas guru di dua puluh buah sekolah menengah di daerah Hilir Perak, Perak. Dengan itu, dapatan soal selidik hanya menggambarkan situasi sekolah di daerah yang dikaji. Ia tidak memberikan gambaran sebenar situasi yang berlaku di seluruh negara.

Tumpuan kajian ini ialah meninjau persepsi dan tahap pengetahuan guru di daerah Hilir Perak. Oleh itu, persepsi dan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar dibincangkan sebagai isu dalam kajian ini.

## 1.8 Definisi operasi

### 1.8.1 Definisi konsep persepsi

Dalam penulisan disertasi beliau, Abdul Rahman (2003) menjelaskan tentang teori dan konsep persepsi. Penulisan beliau menyebut Kretch dan Cruthfield (1969) menyatakan persepsi adalah suatu proses di mana seseorang individu menerima dan interpretasi maklumat tertentu manakala Devito (1978) mendefinisikan persepsi sebagai satu proses yang memberi kesedaran kepada






individu tentang objek atau peristiwa di luar diri melalui sistem kederaiaan. Dalam penulisan Abdul Rahman (2003) juga menyebut Sanggin (1993) menyatakan bahawa melalui proses persepsi seseorang individu akan memupuk kesedaran terhadap persekitaran dan diri sendiri. Ia seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Bagi menghuraikan perbincangan bagaimana proses persepsi berlaku, Abdul Rahman (2003) membincangkan teori daripada Trenholm (1986). Trenholm (1986) menyatakan proses persepsi individu boleh dibahagikan kepada enam proses utama yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu proses perhatian, *snap-judgement*, atribusi dalam dan luaran, implikasi tret, pembentukan impresi dan ramalan. Beliau menerangkan bahawa setiap persepsi manusia bermula dengan proses “perhatian” yang melibatkan pemerhatian khusus terhadap tingkah laku dan bahagian tertentu seseorang individu lain. Rangsangan, tujuan, nilai dan pengalaman lampau individu yang membuat persepsi juga antara faktor penting dalam proses yang pertama ini. Pada proses kedua iaitu “*snap-judgement*”, hasil pengalaman lampau telah menunjukkan isyarat serta melalui stereotaip budaya. Jika ia berbentuk positif, ia akan mendorong ke peringkat seterusnya iaitu “atribusi”. Pada peringkat ini manusia menunjukkan dua bentuk atribusi terhadap sesuatu tingkah laku, iaitu atribusi dalaman dan luaran. Atribusi dalaman ialah penerangan terhadap tingkah laku yang berlaku pada individu itu sendiri seperti perubahan emosi, fikiran dan sikap manakala atribusi luaran pula ialah penerangan terhadap tingkah laku yang berlaku pada individu lain seperti seseorang berlagak dengan gaya yang aneh atau luar biasa. Proses keempat iaitu “implikasi trait”,

iaitu sesuatu trait tertentu akan membayangkan sifat-sifat tertentu pada individu tersebut. Akhir sekali, proses “pembentukan impresi” yang berkait rapat dengan proses sebelumnya, iaitu proses menyusun atau mengorganisasikan persepsi terhadap trait yang diperlihatkan oleh seseorang individu secara memusat. Model proses adalah seperti Rajah 1.1.

Dalam kajian ini persepsi ialah tanggapan dan pandangan guru. Ia merupakan proses kesedaran dan pemahaman kepada maklumat deria di mana ia melibatkan penerimaan, pengumpulan dan tindakan.



(Sumber: Abdul Rahman, 2003)

**RAJAH 1.1**

**Proses-proses Persepsi manusia**

**1.8.2. Pendidikan alam sekitar** ialah proses pendidikan tentang alam sekitar, untuk alam sekitar dan melalui alam sekitar. Proses ini melibatkan interaksi manusia dengan alam sekitar serta bagaimana manusia harus mengurus alam sekitar dengan bijak bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap alam sekitar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998).

**1.8.3 Tahap pengetahuan** ialah ukuran kognitif dengan soalan ujian dan digredkan mengikut markah yang diperolehi. Pengetahuan merupakan peneringkatan pertama dalam Taksonomi Bloom. Peringkat pengetahuan mencakupi semua perilaku yang memfokuskan kepada pengenalan dan penguatan idea, pendapat, prinsip, bahan, prosedur dan peristiwa yang berlaku (Bloom, 1989).

**1.8.4 Guru teknologi dan kemanusiaan** ialah guru yang mengajar selain daripada mata pelajaran sains (biologi, fizik, kimia dan sains teras) seperti guru kemahiran hidup, guru sastera, guru matematik dan lain-lain.

## 1.9 Rumusan

Pendidikan alam sekitar menjadi tumpuan kajian ini memandangkan isu penghayatan pendidikan alam sekitar guru sering dibicarakan dari segi penyampaian isi kandungan pengajaran kepada pelajar. Pendidikan alam sekitar diajar secara formal di sekolah



menengah melalui merentas kurikulum. Semua guru dari pelbagai bidang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan alam sekitar merentas kurikulum. Maka dengan ini timbul isu mengenai persepsi guru dan tahap pengetahuan guru di sekolah menengah terhadap pendidikan alam sekitar memandangkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran teras adalah lebih penting di sekolah menengah.

Oleh itu, kajian ini meninjau dua puluh buah sekolah di daerah Hilir Perak bagi mengkaji persepsi dan tahap pengetahuan guru terhadap pendidikan alam sekitar serta kekangan-kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan pendidikan alam sekitar di sekolah menengah.

